Kecenderungan Strategi Domestikasi dan Foreignisasi Dalam Terjemahan Unsur Budaya Makanan: Analisis Novel Bainal Qasrain (Arab-Melayu)

BITARA
Volume 8, Issue 1, 2025: 378-389
© The Author(s) 2025
e-ISSN: 2600-9080
http://www.bitarajournal.com
Received: 25 February 2025
Accepted: 21 February 2025
Published: 30 March 2025

[Tendencies of Domestication and Foreignisation Strategies in The Translation of Food Cultural Elements: An Analysis of The Novel *Bainal Qasrain* (Arabic-Malay)]

Nur Faizzah Mohd Fuad[1] & Arnida A.Bakar [1]

1 Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia 71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA. E-mail: nurfaizzah1309@gmail.com; arnida@usim.edu.my

*Corresponding Author: nurfaizzah1309@gmail.com

Abstrak

Terjemahan merupakan aktiviti memindahkan makna kata budaya ke dalam bahasa sasaran. Pemindahan makna perkataan tersebut adalah penting bersandarkan kepada teks sumber. Oleh itu seseorang penterjemah perlu mempunyai pengetahuan dalam pelbagai aspek termasuklah prosedur dan strategi terjemahan bagi menterjemah makna kata budaya dari pelbagai kategori yang terkandung dalam sesebuah teks dengan baik dan berkesan. Kajian ini bertujuan mengenal pasti prosedur dan strategi terjemahan bagi kata budaya makanan (kategori budaya material) dalam novel *Bainal Qasrain* (Arab-Melayu). Bagi mencapai objektif kajian ini, prosedur terjemahan Newmark (1988) dan strategi terjemahan Venuti (1995) dipilih. Kajian ini berpandukan kepada pendekatan kualitatif dengan berfokus kepada analisis kandungan kualitatif Elo dan Kyngas (2008). Melalui pendekatan ini, sebanyak sepuluh kata budaya makanan yang merupakan data kajian dianalisis bagi menjelaskan makna, mengenal pasti prosedur dan kecenderungan strategi terjemahan yang berkenaan. Kajian mendapati penterjemah menggunakan beberapa prosedur untuk menterjemahkan makna perkataan berunsur budaya makanan ke dalam bahasa sasaran iaitu naturalisasi, pemindahan, nota kaki, dan padanan budaya . Dapatan juga menunjukkan terdapat kata budaya makanan dalam teks sumber yang sukar diterjemahkan dan perkataan tersebut digunakan semula dalam teks sasaran. Tatacara terjemahan seperti ini cenderung ke arah strategi *foreignisasi*. Namun begitu kajian ini menunjukkan terjemahan kata budaya makanan mempunyai kecenderungan yang seimbang iaitu masing-masing 50 peratus ke arah *foreignisasi* dan *domestikasi*. Implikasi dapatan ini menunjukkan penterjemah dan pembaca perlu menghormati serta memelihara nilai kata budaya dan bahasa teks sumber. Selain itu, pemilihan prosedur terjemahan yang tepat dapat membantu pembaca memahami teks terjemahan dengan lebih jelas dan berkesan. Namun, kedua-dua strategi terjemahan iaitu *foreignisasi* dan *domestikasi* dapat dimanfaatkan oleh pembaca bagi meluaskan ilmu pengetahuan dan mengenali budaya.

Kata kunci: kata budaya makanan,prosedur terjemahan, foreignisasi dan domestikasi, novel Bainal Qasrain.

Abstract

Translation is an activity that involves transferring the meaning of cultural terms into the target language. The transfer of meaning for such words is crucial and must be based on the source text.

Therefore, a translator needs to possess knowledge in various aspects, including translation procedures and strategies, in order to effectively and accurately translate the meanings of cultural terms from different categories contained within a text. This study aims to identify the translation procedures and strategies for food-related cultural terms (under the category of material culture) in the novel *Bainal Qasrain* (Arabic–Malay). To achieve this objective, Newmark's (1988) translation procedures and Venuti's (1995) translation strategies were selected. This study adopts a qualitative approach, focusing on Elo and Kyngas' (2008) qualitative content analysis. Through this approach, ten food-related cultural terms, which serve as the data for this study, were analysed to explain their meanings and to identify the relevant translation procedures and strategic tendencies. The study found that the translator employed several procedures to translate the meanings of food-related cultural items into the target language, namely naturalization, transference, footnotes, and cultural equivalents. The findings also indicate that certain food-related cultural terms in the source text were difficult to translate, resulting in the original words being retained in the target text. Such a translation method tends to lean towards a foreignization strategy. However, the study shows that the translation of food-related cultural terms demonstrates a balanced tendency, with 50 percent leaning towards foreignization and 50 percent towards domestication. The implications of these findings highlight the need for translators and readers to respect and preserve the cultural and linguistic values of the source text. Additionally, the appropriate selection of translation procedures can help readers understand the translated text more clearly and effectively. Nonetheless, both foreignization and domestication strategies offer benefits to readers by broadening their knowledge and helping them appreciate different cultures.

Keywords: food-related cultural terms, translation procedures, foreignization and domestication, *Bainal Qasrain* novel.

This is an open-access article under the CC–BY 4.0 license

Cite This Article:
Nur Faizzah Mohd Fuad[1] & Arnida A.Bakar. (2025). Kecenderungan Strategi Domestikasi dan Foreignisasi dalam Terjemahan Unsur Budaya Makanan: Analisis Novel *Bainal Qasrain* (Arab–Melayu) [Tendencies of Domestication and Foreignisation Strategies in The Translation of Food Cultural Elements: An Analysis of The Novel *Bainal Qasrain* (Arabic–Malay)]. *BITARA International Journal of Civilazitional Studies and Human Scienes* 8(1): 378-389.

Pengenalan

Setiap bahasa dalam dunia ini mempunyai identiti atau simbol yang tersendiri kepada bangsa yang memilikinya sebagai alat untuk berkomunikasi dalam kelompok masyarakat yang sama. Malah peranannya lebih bernilai kepada bangsa tersebut kerana bahasa adalah komponen utama yang dapat memberi makna kepada nilai budaya. Menurut Vermeer (2000), bahasa adalah sebahagian daripada budaya. Ini bermakna bahasa dipengaruhi oleh budaya, yang membolehkan wujudnya bahasa atau sesuatu istilah dalam bahasa yang hanya diamalkan dalam budaya sesuatu kelompok masyarakat.

Bahasa juga menjadi cerminan kepada kata budaya yang melatari bangsa atau masyarakat. Oleh itu dalam proses terjemahan, satu kata budaya tertentu sukar diterjemahkan atau mempunyai sedikit persamaan dalam sistem budaya pembaca sasaran. Ini menjadikan fungsi terjemahan makna daripada data teks asal kepada teks sasaran adalah sukar (Mohamad,

2021). Proses terjemahan kadangkala tidak dapat memenuhi keupayaan bahasa penterjemah. Proses itu adalah interaksi yang sangat kompleks antara aspek budaya, linguistik dan ideologi (Cheng dan Xu, 2024) yang membentuk asas perdebatan berterusan dalam metodologi terjemahan iaitu sama ada cenderung kepada *domestikasi* atau *foreignisasi* (An, 2024).

Namun begitu definisi terjemahan ini bukanlah kekangan kepada para penterjemah bagi meneruskan usaha mereka untuk menterjemah pelbagai genre penulisan khususnya ke dalam bahasa Melayu. Contohnya teks terjemahan novel *Bainal Qasrain* ini dapat diterjemahkan dengan baik khususnya dalam memperkenalkan pelbagai makanan warisan budaya masyarakat Arab. Dalam hal ini pembaca tidak begitu sukar untuk memahaminya malah dapat mengenali pelbagai jenis makanan dengan lebih dekat. Justeru silang budaya ini adalah satu perkembangan yang baik dalam kepelbagaian budaya tanpa sempadan pada hari ini. Oleh itu kajian ini mempunyai kerelevanan dengan matlamat Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan PBB (UNESCO) untuk menjadikan buku sebagai medium penyebaran ilmu, pemahaman dan pemeliharaan warisan kepelbagaian budaya masyarakat dunia. Oleh itu industri perbukuan negara juga menuju ke arah mencapai matlamat tersebut (Malaysia, 2023).

Kajian berkaitan novel *Bainal Qasrain* yang diterjemahkan kepada bahasa Melayu iaitu Mahligai Impian telah dianalisis dengan memfokuskan budaya material iaitu makanan (Newmark, 1988). Terdapat pelbagai jenis subkategori dalam budaya material mengikut Newmark, namun hanya kategori budaya makanan yang dipilih untuk dianalisis dalam penulisan ini.

Kajian ini bertujuan mengenal pasti prosedur terjemahan yang diaplikasi dalam terjemahan makna bagi sepuluh kata budaya makanan yang terdapat dalam novel *Bainal Qasrain* daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu iaitu Mahligai Impian. Semua prosedur terjemahan yang ditemui dalam kajian ini dirujuk sama ada mempunyai kecenderungan ke arah strategi *foreignisasi* atau *domestikasi*.

Kajian ini penting bagi menimbulkan kesedaran tentang peranan penterjemah dalam menterjemahkan sesuatu teks melalui pemeliharaan dan rasa hormat kepada nilai dan budaya asing. Hal ini dapat memberi pengetahuan mengenai bahasa dan kata budaya sesuatu bangsa, terutamanya masyarakat negara lain berkaitan nama khusus bagi makanan yang sangat sinonim dalam kehidupan mereka. Oleh itu, seorang penterjemah disarankan menghormati dan menjaga etika serta adab semasa menterjemah makna kata budaya sesuatu bangsa khususnya kata budaya bagi makanan. Penterjemah juga perlu bijak memilih prosedur terjemahan yang tepat dan sesuai bagi menyampaikan maksud mesej sebenar daripada penulis asal dengan apa yang ingin disampaikan kepada pembaca seperti kehendak teks sumber.

Permasalahan Kajian

Unsur kata budaya makanan yang wujud dalam kategori budaya material menurut Newmark (1988) adalah unsur yang mempunyai ekspresi budaya yang tinggi bagi sesebuah negara dan paling sensitif. Ini disebabkan kata budaya makanan dirujuk kepada fenomena dan manifestasi pemilihan makna, cara dan budaya, adat dan etiket untuk memakan makanan tersebut (Zhang, 2025). Justeru, bagi mengelak daripada menimbulkan kekeliruan dan salah faham, penterjemah terpaksa mengekalkan unsur kata budaya makanan seperti mana yang terdapat dalam teks

sumber. Kebolehterjemahan kata budaya makanan dalam kajian ini juga dapat dikenal pasti melalui prosedur terjemahan yang digunakan oleh penterjemah dan kecenderungannya sama ada ke arah *foreignisasi* atau *domestikasi*.

Kajian Literatur

Selagi makna diberi perhatian, Nida dan Taber (1989) percaya bahawa terjemahan terkait dengan aktiviti mencipta semula makna dalam bahasa sasaran. Ini bermakna, suatu terjemahan perlu cuba mencipta semula mesej dengan berkesan. Walau bagaimanapun, untuk mencipta semula mesej penterjemah perlu membuat sedikit pelarasan leksikal dan tatabahasa bagi menyampaikan makna yang tepat seperti teks sumber. Ini menunjukkan penyampaian makna dalam terjemahan adalah penting. Kesukaran untuk memahami teks sasaran berlaku sekiranya tidak mempunyai makna yang paling sepadan dengan teks sumber. Pelarasan perlu dilakukan supaya makna yang sebenar, dapat sampai kepada pembaca sasaran dengan baik. Justeru, penterjemah seharusnya mempunyai kebolehan untuk merealisasikan maksud asal teks sumber. Suatu perkataan dalam bahasa teks sumber mungkin menyatakan konsep yang sama sekali tidak diketahui dalam budaya sasaran. Konsep yang dimaksudkan mungkin abstrak atau konkrit; ia mungkin berkaitan dengan kepercayaan agama, adat sosial atau sejenis makanan. Konsep seperti itu selalunya dirujuk sebagai 'khusus budaya' (Baker, 2018).

Terdapat beberapa kajian yang menunjukkan istilah kata budaya bagi makanan dalam teks sumber diterjemahkan ke teks sasaran kerana keunikan bahasa sumber yang dimiliki oleh segolongan masyarakat yang mewarisi bahasa tersebut. Hal ini kerap berlaku dalam terjemahan kategori material iaitu makanan dan pakaian (Newmark, 1988).

Kajian oleh Idris Mansor (2015) berkaitan prosedur peminjaman dan elemen sosiobudaya dalam terjemahan *Rihlat Ibn Battutah* menunjukkan prosedur pinjaman kerap digunakan untuk menterjemahkan makna kata termasuklah kata budaya makanan. Hal ini disebabkan kata budaya makanan dalam bahasa Arab adalah unsur budaya baharu yang sukar untuk mendapatkan makna kata budaya atau perkataan yang sepadan dengan bahasa sasaran. Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Ahmad Jalaludin et.al (2021) dalam *Komik Budak Kampung* yang diterjemahkan ke bahasa Arab (*Tiflu al-Qaryatt*). Terjemahan perkataan *pulut kuning* dalam kajian ini kepada bahasa Arab menggunakan prosedur persamaan budaya dan terjemahan literal. Bagi kedua-dua kajian di atas menunjukkan sama ada terjemahan bahasa Arab kepada bahasa Melayu ataupun bahasa Melayu kepada bahasa Arab mendapati terdapat kesukaran untuk memberi makna yang tepat ke dalam bahasa sasaran. Hal ini disebabkan kata budaya makanan bagi orang Arab merupakan makanan yang dimasak mengikut budaya, amalan dan tradisi mereka yang unik seperti makanan *burkhani, hasyisy.* Makanan ini dimasak dengan rempah ratus dan bahan yang tersendiri. Begitu juga dengan *pulut kuning* yang sinonim dengan makanan yang ada kaitan dengan adat dan tradisi dalam masyarakat Melayu. Jika diterjemahkan ke dalam bahasa Arab secara literal mungkin dapat difahami dari aspek bentuk dan jenisnya tetapi makna leksikal tidak dapat disampaikan secara mendalam.

Demikian juga dalam kajian Mazlan et.al (2020) melalui terjemahan buku bergambar iaitu Bijak si Katak Bijak kepada bahasa Jepun. Prosedur yang paling banyak digunakan untuk menterjemahkan makna kata budaya bagi makanan ialah penggantian kata kepada bahasa

sasaran. Namun kaedah ini boleh memberikan gambaran yang berbeza daripada maksud perkataan dalam bahasa sumber. Contohnya makanan *lempeng* diterjemahkan kepada *creep* diikuti dengan prosedur terjemahan *gloss* untuk menerangkannya. Selain daripada itu, Nurhidayah et.al (2024) dalam artikel bertajuk Prosedur terjemahan unsur budaya dalam novel Salina juga menunjukkan terjemahan makanan seperti "putu mayang" dan "Tose" dipindahkan semula kedalam teks sasaran yang diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris. Hal yang sama juga berlaku dalam kajian Siti Hajar et.al (2025) di mana beberapa kata budaya makanan dan minuman masih kekal dalam nashkah terjemahan sarikata filem animasi Geng Pengenbaraan Bermula.

Al Sammarraie et.al (2023) melalui kajian terjemahan *"Sunshine in the Rain: A Maid's Courage"* kepada bahasa Arab menggunakan prosedur pemindahan (*transference)* dan terjemahan literal. Ini menunjukkan penggunaan semula kata budaya makanan yang terdapat dalam teks sumber ke dalam teks sasaran. Welika Mamoon et.al (2023) dalam artikel kajian ke atas video terjemahan daripada bahasa Thai kepada bahasa Inggeris bagi mempromosi pelancongan di Thailand menunjukkan terjemahan kata budaya makanan bagi terjemahan sari kata dalam video tersebut banyak menggunakan prosedur pemindahan dan terjemahan literal. Ini bermaksud perkataan tersebut dikekalkan dalam bahasa Thai. Hal yang sama juga berlaku dalam kajian Asiri (2025). Kajian beliau khusus kepada kata budaya material (makanan) bagi 279 sarikata daripada 90 buah filem Inggeris yang dialih bahasa kepada bahasa Arab. Dapatan kajian menunjukkan 70.3 peratus terjemahan tersebut cenderung kearah *foreignisasi.* Kecenderungan ini menunjukkan makanan yang dipaparkan adalah item makanan yang dikenali secara global.

Kadangkala sesuatu jenama makanan perlu dikekalkan untuk menjaga kepentingan komersial dan prestij seperti makanan dari Itali dan Perancis (Newmark 1988).

Kajian menyimpulkan bahawa seorang penterjemah sentiasa berusaha yang terbaik untuk menterjemah makna kata budaya dengan tepat dan berkesan. Penterjemah berperanan dalam membantu pembaca teks sasaran memahami makna kata budaya yang terdapat dalam teks sumber dengan baik. Oleh itu, penterjemah perlu menguasai pelbagai aspek kemahiran termasuklah memilih prosedur dan strategi terjemahan yang bersesuaian.

Metodologi

Kajian ini berpandukan pendekatan kualitatif dengan memfokuskan kepada analisis kandungan kualitatif Elo dan Kyngas (2008). Korpus kajian adalah novel bahasa Arab iaitu *Bainal Qasrain* hasil karya Naguib Mahfouz (1956) dan novel terjemahan dalam bahasa Melayu, *Mahligai Impian* yang diterjemahkan oleh Novriantoni Kahar dan Al-Mustaqeem M.Radhi (2022) terbitan Inisiatif Buku Darul Ehsan.

Terdapat lima kategori unsur budaya utama iaitu budaya ekologi, budaya material, budaya sosial, organisasi sosial, gerak isyarat dan tabiat (Newmark, 1988). Kajian ini hanya memfokuskan kepada kategori budaya material sahaja. Walaupun kategori budaya material ini mempunyai lima subkategori di bawahnya iaitu makanan, pakaian, bahan artifak, rumah, bangunan dan bandar serta pengangkutan dan kenderaan (Newmark, 1988), namun pengkaji memberi fokus kepada subkategori makanan sahaja. Sehubungan ini sebanyak sepuluh kata

budaya makanan dijadikan data dalam kajian ini. Kata budaya ini dipilih secara bertujuan dan sesuai dengan kriteria dan fokus kajian (Gay dan Airasian, 2000).

Teks kajian dianalisis menggunakan prosedur terjemahan Newmark (1988) iaitu terjemahan literal, pemindahan, naturalisasi, nota dan glosari, perluasan, *neutralisasi*, persamaan budaya, persamaan fungsi, persamaan deskriptif, terjemahan langsung, pengklasifikasian, anjakan dan *transposisi*, analisis komponen, kuplet, parafrasa, pengurangan, modulasi dan terjemahan label. Strategi terjemahan *foreignisasi* dan *domestikasi* (Venuti, 1995) juga digunakan bagi melihat kecenderungan terjemahan makna kata budaya makanan yang dianalisis daripada data kajian terpilih.


Bagi mengenal pasti ketepatan makna yang dipindahkan daripada bahasa sumber kepada teks sasaran, kajian ini membuat rujukan kamus *almaany* dalam talian iaitu http://www.almaany.com (bagi makna bahasa Arab) dan laman web Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) atas talian iaitu http://prpm.dbp.gov.my (bagi makna bahasa Melayu). Setelah dirujuk kedua-dua kamus ini, dapatlah dikenal pasti makna serta prosedur terjemahan yang digunakan dalam menterjemah unsur budaya yang dikaji iaitu budaya material (makanan).

Prosedur terjemahan Newmark dipilih bagi memadankan prosedur yang digunakan oleh penterjemah untuk memindahkan makna kata budaya makanan teks sumber kepada teks sasaran. Kekerapan jenis penggunaan prosedur dalam menterjemahkan makna kata budaya teks sumber kepada teks sasaran dapat dilihat kecenderungannya; iaitu sejauh mana kata budaya teks sumber dapat diterjemahkan serta mempunyai padanan dan kesesuaian dalam perbendaharaan kata teks sasaran. Ini dapat menunjukkan sama ada penggunaan kata budaya yang diterjemahkan itu cenderung ke arah *foreignisasi* atau *domestikasi*.

Domestikasi dan *Foreignisasi*

Domestikasi bertujuan menjadikan sesuatu teks terjemahan itu lancar dan boleh diakses oleh khalayak sasaran, lazimnya mengutamakan kebiasaan dan meminimumkan unsur budaya asing. *Foreignisasi* sebaliknya menekankan budaya teks sumber, berusaha untuk mengekalkan perbezaan budaya dan menonjolkan peranan penterjemah dalam proses terjemahan dan mendekatkan pembaca dengan teks dan penulisan asal (Venuti, 1995).

Langkah-langkah kajian



Analisis Dapatan Kajian dan Perbincangan

Unsur kata budaya makanan berada dalam kategori budaya material (Newmark, 1988). Menurut Newmark: "Makanan merupakan satu ekspresi budaya sesebuah negara yang paling sensitif dan penting; makna istilah makanan yang diterjemahkan tertakluk kepada pelbagai prosedur

terjemahan yang paling luas". Istilah kategori "makanan" adalah lebih rumit kerana unsur "*foreignisasi*" yang ada pada kata budaya makanan tersebut dan menjadi sukar untuk diterjemahkannya. Makanan ialah apa sahaja yang boleh dimakan yang mempunyai zat, vitamin dan protein (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, 2017).

Kesimpulannya, makanan sama ada yang berasal daripada tumbuhan, haiwan dan lain-lain sumber adalah sokongan yang boleh memberi zat, nutrien, vitamin, mineral dan lain-lain. Ini disebabkan makanan termasuk minuman membawa maksud sejenis bahan yang digunakan oleh makhluk hidup. Melalui analisis dalam teks kajian ini, sebanyak sepuluh kata budaya makanan telah diperolehi dalam novel *Bainal Qasrain* (Arab-Melayu). Semua kata budaya makanan tersebut dibincangkan seperti berikut.

Jadual 1 : Kata budaya makanan (Kecenderungan: *Foreignisasi*)

Teks Sumber	Teks Sasaran	Prosedur & Strategi Terjemahan
بائع الفول (الأقرع) لصلعه، واللبان (الأعور) لضعف بصره (ص 34).	Penjaga ful pula digelarnya "botak" kerana kepalanya, manakala penjual susu "mata satu" kerana dia rabun (ms 39).	Nota kaki dan pemindahan (kuplet) *foreignisasi*
عم حسنين الحلاق والحاج درويش بائع الفول والفولى اللبان وبيومى الشربتلى (ص 29).	Ammu Hasanain si tukang gunting, Haji Darwish si penjual kekacang, al-Fuli si penjual susu dan al-Bayumi si tukang serbat (ms 34).	Naturalisasi *foreignisasi*
باعة المغنون وهم يترنمون بطقاطيق الطماطم والمللوخية والبامية كل على هذهبه (ص 44).	Beberapa penjaja berlagu dengan gaya masing-masing tentang tomato, mulukhiah dan bendi yang mereka jual (ms 49).	Pemindahan *foreignisasi*
اشتهر به محمد العجمي بائع الكسكسى عند مطلع الصالحية بالصاغة (ص 27).	Seorang penjual terkenal bernama Muhammad Ajami, tukang kuskus di depan Madrasah al-Salih Ayub yang terletak berhampiran bazar emas permata (ms 32).	Pemindahan *foreignisasi*
بيد أن زينب اقترحت يوما ان تصنع (الشركسية) باعتبارها الصنف الأثير على مائدة أبيها (ص 347).	Suatu hari, Zainab bercadang untuk memasak ayam Syarkasi yang menjadi kegemaran di rumah ayahnya (ms 352).	Pengelasan, pemindahan dan nota kaki *foreignisasi*

Dapatan kajian seperti yang dipaparkan dalam jadual 1, menunjukkan kata budaya makanan yang terdapat di dalam novel *Bainal Qasrain* yang telah dipindahkan oleh penterjemah ke dalam teks sasaran. Ini menunjukkan kata budaya tersebut sukar diterjemahkan kerana perkataan tersebut tidak sepadan dengan mana-mana makna yang didaftarkan dalam kamus Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM). Oleh itu perkataan seperti **الشربتلى ,الفول ,** **والمللوخية ,الكسكسى** dan **الشركسية** telah dipindahkan terus ke dalam teks sasaran dengan beberapa prosedur terjemahan seperti pemindahan, naturalisasi dan nota kaki (Newmark 1988). Hasil daripada prosedur terjemahan yang digunakan, maka pendekatan terjemahan ini lebih cenderung kepada strategi foreignisasi.

Dalam hal ini, apabila perkataan daripada teks sumber dipindahkan semula ke teks sasaran dengan mengekalkan sistem bunyi sebagaimana perkataan dalam teks sumber, prosedur pemindahan digunakan. Tujuannya bagi mengekalkan bukan sahaja kata budaya Arab tetapi juga makna yang sama seperti yang terdapat dalam teks sumber. Prosedur terjemahan pemindahan ini menunjukkan kecenderungan ke arah strategi *foreignisasi*; iaitu berlaku proses mengubah atau meminjamkan kata budaya dari bahasa sumber ke dalam perkataan bahasa sasaran dalam teks terjemahan (Newmark,1988). Ini disebabkan pembaca teks sasaran perlu memahami kata budaya tersebut yang dipindahkan ke teks sasaran, selain menghargai nilai dan budaya serta penulis asal teks sumber.

Jadual 2: Kata budaya makanan (Kecenderungan : *Domestikasi*)

Teks Sumber	Teks Sasaran	Prosedur & Strategi Terjemahan
وفي الطرف الآخر صفت أطباق صغيرة بالجبن، والليمون والفلفل المخللين، والشطة (ص 26). والملح والفلفل الأسواد	Di satu bahagian lagi, tersusun beberapa piring berisi keju, jeruk lemon dan cili, juga cabai tumbuk, garam dan lada hitam (ms 31).	Padanan budaya *Domestikasi*
يزل يديرها في نفسه حتى هذه اللحظة التي يعبر فيها الطريق قاصدا دكان البسبوسة (ص 55).	Dia terus mengulang kaji pelajaran itu dalam fikirannya sehingga sebelum dia melintasi jalan untuk ke gerai manisan (ms 60).	Padanan budaya *Domestikasi*
وفي الطرف الآخر صفت أطباق صغيرة بالجبن، والليمون والفلفل المخللين، والشطة والملح والفلفل الأسواد (ص 26).	Di satu bahagian lagi, tersusun beberapa piring berisi keju, jeruk lemon dan cili, juga cabai tumbuk, garam dan lada hitam (ms 31).	Padanan budaya *Domestikasi*
تتحلب الأفواه لألوان الطعام الشهية التي تقدمها موسما بعد موسم كخشاف رمضان وقطائفه، وكعك عيد الفطر وفطائره، وخروف عيد الأضحى (ص 19)	Selera pecah melihat pelbagai jenis makanan enak yang dihidangkan musim demi musim, misalnya manisan	Padanan budaya *Domestikasi*

buah dan kuih-muih Ramadan, kek dan pastri Aidilfitri, juga bebiri muda Aidiladha (ms 15).

Manakala dalam jadual 2, dapatan kajian menunjukkan kata budaya makanan seperti **والشطة, البسبوسة, والفلفل الأسواد, كخشاف** dan **وقطائفه** telah dapat diterjemahkan dengan jelas oleh penterjemah kerana mempunyai makna yang sepadan dalam pencarian makna pada kamus PRPM. Perkataan tersebut diterjemahkan ke dalam teks sasaran seperti cabai tumbuk, manisan, lada hitam, kuih muih dan manisan buah. Penterjemah telah menggunakan prosedur terjemahan padanan budaya (Newmark 1988).

Jika dibandingkan jenis atau ciri makanan yang terdapat dalam jadual 1 dan 2, maka kajian mendapati terdapat sedikit perbezaan. Jadual 1 menunjukkan data yang terdiri daripada makanan warisan khusus daripada masyarakat Arab. Makanan tersebut dimasak dengan menggunakan rempah ratus dan bahan khas yang tidak diketahui dan bukan kebiasaan melainkan masyarakat yang mewarisinya. Manakala jenis makanan dalam jadual 2 menunjukkan makanan seperti sayuran dan rempah ratus yang boleh diperolehi dalam masyarakat secara universal. Bahan makanan dalam jadual 2 adalah seperti lada hitam, cabai, manisan seperti gula serta manisan buah kecuali kuih muih sahaja yang diterjemahkan secara umum bagi menunjukkan pelbagai jenis kuih. Semua kata budaya makanan yang diterjemahkan ini turut dikenali dan difahami oleh pembaca sasaran kerana semua jenis makanan ini juga berada dalam budaya masyarakat sasaran. Sehubungan itu, prosedur padanan budaya ini cenderung kepada strategi *domestikasi*, iaitu pembaca sasaran berada lebih dekat dengan latar budayanya serta pemahaman menjadi lebih lancar serta mudah.

Kecenderungan Strategi Terjemahan dalam Analisis Budaya Material (Makanan)

Keseluruhan analisis bagi sepuluh kata budaya makanan yang terlibat dalam kajian ini melalui novel *Bainal Qasrain* (Arab - Melayu) telah dipaparkan dalam jadual 1 dan 2. Berdasarkan analisis dapatan ini menunjukkan terdapat kata budaya makanan yang tidak dapat diterjemahkan kepada bahasa sasaran. Semua kata budaya ini cenderung kepada strategi *foreignisasi* (rujuk jadual 1). Namun begitu terdapat juga kata budaya makanan yang dapat diterjemahkan kepada bahasa sasaran kerana mempunyai makna yang sepadan dengan kata budaya makanan pembaca sasaran seperti dalam jadual 2. Semua kata budaya ini cenderung kepada strategi *domestikasi*. Kecenderungan kearah *foreignisasi* atau *domestikasi* bergantung kepada kebolehtafsiran teks sumber. Namun terdapat pandangan yang menyatakan bahawa kata budaya yang berunsur budaya spesifik perlu dikekalkan seperti di dalam teks sumber. Walaubagaimanapun Turzynski (2021) menyatakan terjemahan perlu berorientasikan kepada pembaca demi penyampaian sebenar daripada kandungan teks sumber.

Implikasi dapatan ini menunjukkan perkataan atau kata budaya makanan tidak boleh sewenang-wenangnya diterjemahkan kepada bahasa sasaran kerana setiap jenis makanan mempunyai signifikan yang istimewa kepada sesebuah masyarakat. Jika kata budaya tersebut

dikekalkan semula dalam teks sasaran, maka pembaca dapat mempelajari perkataan baharu daripada teks sumber. Ini bermakna pembaca dapat menambahkan pengetahuan baharu dan budaya memahami budaya masyarakat lain melalui teks sumber. Justeru, silang budaya dan pemahaman budaya tanpa sempadan dapat diwujudkan.

Kesimpulan

Dapatan keseluruhan kajian menunjukkan sepuluh perkataan atau kata budaya makanan dalam kategori budaya material telah dikenal pasti dan ditentukan melalui prosedur terjemahan yang digunakan oleh penterjemah. Analisis kajian menunjukkan prosedur padanan budaya (*cultural equivalance*) kerap digunakan oleh penterjemah untuk menterjemah kata budaya makanan yang terdapat dalam novel *Bainal Qasrain* (Arab-Melayu). Selain daripada itu prosedur terjemahan yang digunakan ialah naturalisasi, pemindahan dan nota kaki.

Berdasarkan kekerapan prosedur terjemahan yang digunakan dalam menterjemahkan teks sasaran, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa strategi terjemahan *foreignisasi* dan *domestikasi* mempunyai kekuatan yang sama iaitu 50% *foreignisasi* dan 50% *domestikasi*. Strategi sebegini dapat membantu penterjemah dalam mengemukakan kata budaya yang sesuai bagi memberi kefahaman kepada pembaca sasaran. Kecenderungan sesebuah terjemahan teks sasaran sama ada ke arah *foreignisasi* dan *domestikasi* dapat dikenal pasti melalui penggunaan prosedur terjemahan oleh penterjemah. Prosedur domestikasi ini adalah penting untuk memastikan teks yang diterjemahkan sesuai dengannya khalayak sasaran sambil mengekalkan intipati mesej asal. Dengan menyesuaikan teks dengan norma linguistik dan budaya sasaran, penterjemah boleh merapatkan jurang antara perbezaan bahasa dengan budaya, memupuk pemahaman dan penghayatan. Walau bagaimanapun, ia adalah penting untuk mencapai keseimbangan antara *domestikasi* dan *foreignisasi* untuk mengelakkan pemadaman identiti budaya yang unik dalam teks sumber. Venuti (1995) memberi amaran bahawa walaupun *domestikasi* boleh menjadikan teks lebih banyak boleh diakses, ia berisiko "meratakan kekhususan budaya teks sumber". Oleh itu, penterjemah mesti mempertimbangkan dengan teliti implikasi etika pilihan mereka untuk memastikan bahawa terjemahan menghormati kedua-dua budaya sumber dan sasaran. Oleh itu, prosedur terjemahan amat membantu seseorang penterjemah bagi memudahkan proses terjemahan dibuat.

Rujukan

Ahmad Jalaluddin Al-Islami, MS., Muhammad Arsyad, AM. & Norhazlina H. (2021). ProsedurTerjemahan Unsur Budaya Ekologi dalam Al-Quran. *Journal of Social Sciences and Humanities* 18(4), 148-162.

Almaany. (2010). https://www.almaany.com

Al Sammarraie, HSM, Ilangko, S & Enid Sureen, ZA. (2023). An analysis of Translation Procedures of Cultural-Specific Items from English into Arabic Applied in “Sunshine in the Rain: A Maid’s Courage”. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics.* 3(2), 19-27.

An, G. (2024). Domestication and Foreignisation in Translation Studies: A Bibliometric Analysis of WoS Core Journal Articles. *Journal of Intercultural Communication,* 24(4), 13-22. https://doi.org/10.36923/jicc.v24i4.933

Asiri, Eisa Ahmad Saeed. (2025). "Between Foreignization and Domestication: A Corpus-Based Study of the Translation of Food-related Cultural References in the Arabic Subtitling of 90 Hollywood Films," *UB Journal for Humanities.* 4 (2), 5. https://ubjh.ub.edu.sa/home/vol4/iss2/5

Baker, M. (2018). *In Other Words*: *A Coursebook on Translation*, 3rd ed. London: Routledge.

Catford, J. (1996). *A Linguistic Theory of Translation.* London: Oxford University Press.

Cheng, L., & Xu, M. (2024). Almanna, Ali, and Juliane House (Eds.) (2023). The translation is politicized and politics *The Journal of Specialised Translation.* (41), 279-286. https://doi.org/10.26034/cm.jostrans.2024.4735.

Elo, S. & Helvi Kyngas. (2008). "The qualitative content analysis process". *Journal of Advanced Nursing.* 62 (1), 107-115.

Gay, L and Airasian, P.(2000). *Educational Research: competencies for analysis and experience*. 6th Edition, New Jersey. Prentice Hall.

Idris, M. (2015). Prosedur Peminjaman dan Elemen Sosiobudaya dalam Terjemahan Rihlat Ibn Battutah. *Kajian Malaysia.* 33(2), 61-81. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Kerroum, A. (2025). Translation Between Domestication and Foreignization: The Perspective of the Canadian Novelist Anne Michaels. *International Journal of Language and Literary Studies.* 7(5).289-305. http://doi.org/10.36892/ijlls.v7i5.2095.

Malaysia. (2023). *Kajian Data Perpustakaan Negara Malaysia*. Cetakan Pertama, Kuala Lumpur.

Mazlan, A., Wan Rose Eliza, AR. & Anis Shahirah, AS. (2020). Analisis Terjemahan Perkataan Budaya Berkaitan Makanan dan Minuman dalam Buku Bergambar Bijak Si Katak Bijak ke Bahasa Jepun. *Jurnal Dunia Pendidikan.* 2(3), 17-31.

Mohamad, H & Muhammad, HK. (2021). Translation of Al-Quran into Malay Language in the Malay World. *International Journal of Islamic Studies and Humanities.* 4(1), 32-50.

Naguib, M. (1956). *Bain al Qasrain,* Kaherah: Maktabah Misr.

Newmark, P. (1988). *A Textbook of Translation.* Hertfordshire: Prentice Hall.

Nida, E & Taber, C. (1989). *The Theory of Practice and Translation.* Netherlands.

Novriantoni, K. & Al-Mustaqeem MR. (2022). *Mahligai Impian.* Kuala Lumpur: IBDE Ilham Sdn Bhd.

Nur Hidayah Yahaya & Nur Iman Nasuha Mohamad Sharudin. (2024). Prosedur Terjemahan Unsur Budaya dalam Novel Salina. *Jurnal Linguistik.* 28 (2) , 136-148.

Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (2017). https://prpm.dbp.gov.my/

Siti Hajar Mohd Fazil, & Norhazlina Husin. (2025). Prosedur Terjemahan Unsur Budaya dalam Sari Kata Filem Animasi Geng Pengembaraan Bermula. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH),* 10(9). https://doi.org/10.47405/mjssh.v10i9.3587

Turzynski-Azimi, A. (2021). Constructing the image of Japan as a tourist destination: Translation procedures for culture-specific items. *Perspectives.* 29 (3), 407-425. https://doi.org/10.1080/0907676X.2020.1758734

Venuti, L. (1995). *The Translator's Invisibility: A History of Translation.* New York: Routledge.

Vermeer, H.J. (2000). Skopos and commission in translation action. In Venuti, L & Lawrence (Eds). *The translation studies reader.* 221-232. London: Routledge.

Welika, M., Salasiah, CL. & Mohamed AM. (2023). Translation of Culture-Specific Items from Thai to English in Tourism Promotional Videos. *International Journal of Languages, Literacies and Translation.* 6(1).

Zhang, Y. (2025). Food Culture and Translation. *Journal of International Social Science*. 2 (2), 85-92.